

HELAH RUMAH

Sindiket judi dalam talian kaut untung puluhan juta

HARIAN METRO

SINDIKET JUDI ONLINE DITUMPASKAN POLIS

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi

mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun negara masih dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sindiket perjudian dalam talian (judi online) tetap berupaya meraih keuntungan puluhan juta ringgit sebulan melalui kegiatan jenayah dilakukan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, sepanjang tempoh PKP dilaksanakan, pelbagai cabaran dan halangan dihadapi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras kegiatan perjudian dalam talian membabitkan pusat panggilan rahsia.

Menurutnya, sindiket berkecenaan dikesan kerap menjalankan kegiatan jenayah di kediaman mewah seperti banglo dan kondominium disewa khas sebagai markas operasi.

"Biasanya kawasan kediaman ini dikawal pengawal keselamatan, dilengkapi sistem keselamatan yang tinggi selain sukar dijejaki pihak berkuasa.



9 Jun 2021

Polis menumpaskan sindiket perjudian dalam talian yang menjadikan unit kondominium sebagai pusat panggilan di Jalan Persisiran Bunga Raya, Melaka.



5 Jun 2021

Polis menumpaskan sindiket perjudian dalam talian dengan menyerbu pusat panggilan di dua kediaman di Bandar Sunway, di sini, semalam.



18 Mei 2021

Polis menumpaskan sindiket perjudian atas talian yang menjadikan sebuah kondominium di Desa Petaling, di sini, sebagai pusat panggilan dengan penahanan lapan individu semalam.



24 April 2021

Polis menyerbu sebuah kondominium di Jalan Jalil Perwira 2, Bukit Jalil di sini, yang dijadikan pusat panggilan perjudian dalam talian semalam.



21 April 2021

Polis menahan 11 individu termasuk seorang wanita warga China yang dipercayai terbabit dengan kegiatan judi dalam talian di unit kondominium yang dijadikan pusat panggilan di Jalan Tun Razak, Wangsa Maju, di sini.



15 Disember 2020

Polis menyerbu pusat panggilan menjalankan aktiviti pertaruhan dan promosi judi dalam talian di sebuah pangsapuri di Senibong, Johor.

“Di samping itu sindiket juga menjalankan penyamaran melalui media sosial dengan menggunakan profil palsu bagi berurusan dengan pelanggan. Ini juga memudahkan proses pelanggan membayar pertaruhan perjudian atas talian.

“Lokasi pelayan (*server*) komputer juga sukar dikesan

berikutan sindiket menggunakan kepakaran individu dalam bidang teknologi maklumat (IT) untuk mengaburi aktiviti,” katanya kepada Harian Metro.

Abd Jalil berkata, modus operandi pusat panggilan perjudian dalam talian ini juga acap kali berubah mengikut keadaan semasa.

“Bagi modus operandi pasaran tempatan, sindiket akan mempromosikan iklan perjudian melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Wechat dan Telegram secara terus kepada pelanggan melalui *group* (kumpulan) yang dibuka mereka.

“Pelanggan hanya perlu



H MEWAH

ta ringgit sebulan sepanjang PKP

18/09/2021 M/S 8



Bagi modus operandi pasaran tempatan, sindiket akan mempromosikan iklan perjudian melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Wechat dan Telegram secara terus kepada pelanggan melalui group (kumpulan) yang dibuka mereka”

Abd Jalil

menggunakan telefon pintar untuk mendaftar dan membuat pertaruhan secara dalam talian,” katanya.

Beliau berkata, PKP juga mengubah landskap perjudian dalam talian untuk pasaran tempatan apabila pelanggan boleh membuat pertaruhan di mana-mana sahaja mereka berada termasuk di rumah.

“Bagi pertaruhan judi dalam talian untuk pasaran luar negara, sindiket kerap menyasarkan pelanggan atau mangsa yang berada di China.

“Sindiket mengumpan

mangsa kononnya permainan atau pertaruhan judi dikendalikan itu senang dimainkan dan peluang untuk menang adalah tinggi. Biasanya mereka akan menghantar QR code kepada kaki judi berminat.

“Sindiket juga menggunakan pelbagai aplikasi judi menerusi laman sosial Wechat, Tiktok dan banyak lagi untuk memudahkan pelanggan mencuba nasib,” katanya.

SINDIKET menyasarkan pelanggan berada di China untuk bertaruh dalam pasaran luar negara.

106 sindiket tumpas, RM4.5j dirampas



BARANG-BARANG sindiket judi dalam talian yang dirampas ketika operasi.

Kuala Lumpur:

Kejayaan membanggakan apabila polis berjaya menumpaskan 106 sindiket perjudian di seluruh negara selain merampas wang tunai berjumlah RM4,565,017.

La hasil beberapa siri serbuan polis terhadap markas perjudian dan pusat mengatur pertaruhan judi dalam talian (judi *online*) bermula ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa satu Mac tahun lalu hingga PKP 3.0 Ogos ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Polis Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, sebanyak 448 serbuan dilakukan terhadap sindiket perjudian oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) memabitkan lokasi serbuan berbeza seluruh negara.

Menurutnya, polis berhadapan dengan 106 individu tempatan dan warga asing bermula 18 Mac tahun lalu hingga 8 Ogos lalu.

"Seramai 1,481 individu ditangkap memabitkan warga tempatan manakala seramai 1,711 lagi adalah warga China, Indonesia dan

lain-lain negara. "Selebihnya sebanyak 24,117 serbuan judi dibuat di premis perjudian di seluruh negara sepanjang tempoh itu memabitkan tangkapan terhadap 35,917 individu. "Sebanyak 106 sindiket pusat panggilan perjudian dalam talian ditumpaskan dalam beberapa siri serbuan bermula PKP 1.0 hingga PKP 3.0 (setakat 8 Ogos)," katanya kepada Harian Metro.

Abd Jalil berkata, ahli dan dalang sindiket yang ditumpaskan itu dikenakan tindakan mengikut Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Poca).

"Daripada jumlah serbuan itu, sebanyak 269 serbuan pusat mengatur pertaruhan judi dalam talian untuk pasaran luar negara memabitkan pasaran luar negara.

"Sebanyak 15,111 unit peranti elektronik yang dijadikan alat mengatur perjudian dalam talian berjaya dirampas memabitkan komputer, komputer riba, telefon pintar dan mesin kira-kira," katanya.